

Agresif lawan polis cuba nak loloskan diri

11 Mei 2022

Agresif lawan polis cuba nak loloskan diri

Langkawi: Seorang tokan dadah berjaya ditahan selepas bertindak agresif dan bergelut dengan anggota polis ketika cuba meloloskan diri di Kampung Ewa di sini, malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Langkawi Asisten Komisioner Shariman Ashari berkata, suspek berusia 30 tahun ditahan di hadapan sebuah rumah jam 10.30 malam.

"Panik dengan kehadiran anggota polis, suspek bertindak agresif dan nekad bergelut dalam usahanya cuba meloloskan diri tetapi berjaya ditahan.

"Pemeriksaan menemukan enam paket plastik lut sinar disyaki berisi dadah

jenis heroin seberat 32.80 gram (g)," katanya.

Shariman berkata, turut ditemui satu paket plastik disyaki berisi syabu seberat 0.60g disembunyikan dalam poket kiri seluar dipakai suspek.

"Suspek yang juga penganggur berserta barangan rampasan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Langkawi untuk siasatan lanjut.

"Ujian saringan awal air kencing mendapati suspek positif dadah methamphetamine dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 serta 15(1)(a) akta sama," katanya.